

Persidangan antarabangsa mengenai Bosnia

BH - 6 JUN 1994

KL sedia jadi penganjur

Oleh Lichong Angkui dan Minarni Mat Saad

SHAH ALAM, Ahad — Malaysia sedia menjadi tuan rumah persidangan antarabangsa mengenai Bosnia-Herzegovina bagi menamatkan keganasan Serb di negara bekas Yugoslavia itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kesediaan itu berikutan keputusan Pergerakan Berkecuali (NAM) di Kaherah kelmarin, yang menerima usul Malaysia supaya diadakan persidangan antarabangsa itu.

"Keputusan itu adalah satu tindakan positif NAM. Semua orang patut mengambil tindakan sedemikian," katanya kepada pemberita selepas melawat Pameran Bot Antarabangsa Malaysia Ke-4 di sini, petang ini.

Malaysia pernah menganjurkan Persidangan Antarabangsa Ahli-Ahli Parlimen Mengenai Bosnia-Herzegovina pada 21-23 Januari lalu. Sidang itu disertai 180 peserta 30 negara.

Dr Mahathir turut mengulangi pendirian Malaysia supaya penarikan balik sekatan senjata hanya bagi Bosnia, bukan terhadap Serb atau negara bekas Yugoslavia lain.

Menurutnya, rombongan Ahli Parlimen Malaysia yang melawat Britain dan Perancis baru-baru ini mendapati pemimpin kedua-dua negara sependapat supaya sekatan senjata terhadap Serb dkekalkan.

"Ini kerana kalau tiada sekatan senjata, maka yang akan mendapat senjata banyak ialah puak Serb. Hakikatnya hari ini Serb memang mendapat senjata dari Belgrade dan mungkin daripada pihak lain juga.

"Sebaliknya rakyat Bosnia langsung tidak mendapat senjata dan apabila Serb mendapat senjata, Barat tidak mampu menghalangnya. Oleh itu, penarikan balik sekatan senjata seharusnya untuk Bosnia saja, bukan untuk Serb atau Yugoslavia.

"Sekatan senjata terhadap Serb dan Yugoslavia mesti diteruskan. Kita tahu puak Serb mendapat bekalan banyak senjata dari Belgrade," katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia mahu penarikan balik sekatan senjata untuk Bosnia saja kerana tentera negara itu langsung ketiadaan senjata, sedangkan apabila Serb merampas balik senjata mereka, tiada tindakan diambil.

Ditanya mengenai Cable News Network (CNN) yang dikatakan memohon maaf berhubung dakwaan kononnya Malaysia menghantar senjata ke Bosnia bagi membantu rakyat tempatan memerangi tentera Serb, Dr Mahathir berkata beliau berterima kasih atas tindakan itu.

"Saya tidak tahu sama ada media Barat bersikap berat sebelah. Tapi biasanya kalau mana-mana negara didapati menyeludup senjata, maka negara itu akan diasingkan dan tidak boleh menghantar pasukan tentera ke negara tertentu. Jadi kita khuatir kalau kita buat benda semacam itu, maka kita akan disingkir dan tentera Malaysia tidak lagi boleh berkhidmat di Bosnia," katanya.